



Naib Canselor rasmi Tunas Saintis MRSM peringkat Kebangsaan

Globalisasi, kepesatan sains dan teknologi telah mengubah lanskap tamadun dunia yang menuntut peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi mengekalkan daya saing dalam iklim yang semakin mencabar ini.

Justeru, pertandingan Tunas Saintis Peringkat Kebangsaan Kali ke-22 anjuran Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) ini bertepatan dengan hasrat negara dalam membangunkan bidang sains, teknologi dan penyelidikan bagi melahirkan generasi yang futuristik, berdaya saing dan inovatif pada masa hadapan.

Dalam majlis ini, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir merasmikan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada pemenang pertandingan yang menyaksikan sebanyak 198 penyertaan di kalangan 48 buah MRSM seluruh Malaysia yang dianjurkan MRSM Kuantan sebagai tuan rumah.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing, dalam konteks UMP sebagai universiti awam, bolehlah dilihat pihak MRSM dan MARA amnya sebagai rakan kongsi yang berpotensi dalam menyumbang ke arah kecemerlangan pendidikan dan daya saing pelajar.

"Jaringan yang bersifat komplementari dengan pulangan nilai tambah kepada kedua-dua pihak ini pastinya memberi kesan jangka panjang terhadap daya saing graduan MRSM yang berkesinambungan hinggalah mereka tamat pengajian di universiti kelak.

"Sebagai medan di mana minat terhadap sains dan teknologi dipupuk sebagai budaya

kecemerlangan MRSM, maka Tunas Saintis boleh juga ditanda aras kepada pameran dan pertandingan penyelidikan mahasiswa yang banyak dianjurkan oleh pihak IPTA kini," katanya semasa menyampaikan ucapan di Dewan Ilmu, MRSM Kuantan pada 28 April 2013 yang lalu.

Malah, di UMP umpamanya, budaya penyelidikan dalam kalangan mahasiswa diberikan perhatian khusus secara bersktruktur melalui penganjuran *Creativity, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX)* sejak tahun 2010.

Maka katanya, pembudayaan penyelidikan yang bermula sejak bangun sekolah dan berkesinambungan pula hingga ke menara gading bakal memberi kesan positif jangka panjang dalam konteks daya saing guna tenaga nasional pada masa hadapan.

"Dalam semangat transformasi nasional yang dicituskan oleh kepimpinan negara hari ini, maka perkara ini harus dilihat dengan serius untuk ditekuni dan diterokai oleh pihak MRSM dan universiti dengan mengambil formula sinergi yang bersesuaian, maka kedua-dua pihak boleh menyumbang secara konstruktif untuk kecemerlangan prestasi dan daya saing pelajar," ujarnya.

Beliau yakin, pihak MRSM seluruh Malaysia mempunyai keupayaan untuk terus melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dan berwibawa untuk mengisi tempat di institusi-institusi pengajian tinggi dengan fokus terhadap lima cabang sains tulen

dan sains gunaan iaitu Fizik, Kimia, Biologi, Sains Komputer dan Kejuruteraan, maka Tunas Saintis sememangnya mengambil kira keperluan semasa teknokrat dalam negara yang sentiasa meningkat setiap tahun.

Pengetua Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, Zainal Yunus menghargai komitmen pensyarah terutamanya daripada UMP, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA dalam membantu melibatkan penilaian dalam bidang Fizik, Kimia, Kejuruteraan, Sains Komputer dan Biologi.

Pertandingan yang dianjurkan setiap tahun ini bertujuan memupuk minat dan sikap kerjasama terhadap bidang sains dan teknologi. Selain itu, pelajar turut dilatih dengan semangat kerjasama, bersikap positif dan belajar menangani risiko semasa menjalankan kajian.

Katanya, pelajar yang menang dalam pertandingan Tunas Saintis ini berpeluang menyertai pertandingan antarabangsa iaitu *INTEL International Science & Engineering Fair* yang diadakan di Amerika Syarikat setiap tahun.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Pengarah 1, Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Hajah Hanim Abdul Wahab, Pengarah MARA Negeri Pahang, Haji Salemi Yusoff dan Penyelaras Program, Latipah Sajari dari MRSM Kuantan.